



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

KENYATAAN SEBUT HARGA

- 1) Tawaran sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** yang masih sah tempohnya dalam **GREDD G1** di bawah **KATEGORI CE14 (LANDSKAP)** dan **CE21 (KERJA-KERJA AM KEJURUTERAAN AWAM)** bagi menyertai sebut harga berikut :

BIL.	NO. SEBUTHARGA	NAMA SEBUTHARGA	GREDD / KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN (RM)
1.1	SH(K)35/2025	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN POKOK-POKOK DI SEKITAR KUALA KANGSAR DAN SUNGAI SIPUT (U).	G1 (CE14 & CE21)	30.00

- 2) Dokumen sebutharga akan dijual mulai **dari tarikh 28 April 2025** hingga **02 Mei 2025** mulai dari **jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang** dengan mendaftar dan mendapatkan bil pelbagai di Jabatan Perancang Bandar dan Landskap. Sila bawa bersama sesalinan dan yang asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Suruhajaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Sijil Kementerian Kewangan (KKM)** dan **Penyata Kewangan Terkini** untuk semakan semasa membeli borang.
- 3) Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja dan hanya **PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) **sahaja** boleh membeli sebut harga ini dengan bayaran tunai.
- 4) **Bagi kerja-kerja pemangkasan dahan, ranting, membuang tunas air dan pembersihan batang pokok ianya hendaklah dipantau oleh seorang Ahli Arborikultur yang berkeelayakan (ISA Certified Arborist). Sila sertakan salinan Sijil Berkeelayakan.**
- 5) Selain itu, syarikat / kontraktor yang **SEDANG MELAKSANAKAN** kerja-kerja ditapak bagi perolehan di bawah seliaan MPKK juga **TIDAK LAYAK** untuk menyertai perolehan ini.
- 6) Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **saiz A4** dan dilakri serta ditulis **nama sebut harga dan no. sebut harga** di sudut atas sebelah kanan sampul tersebut. Ianya hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga di ruang hadapan (Lift Utama) Jabatan Perancang Bandar dan Landskap, Aras 1, Wisma MPKK** sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh **05 Mei 2025 (Isnin)**.
- 7) Penyebut harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai sebut harga ini sekiranya penyebut harga didapati tidak mempunyai semua pendaftaran gred/kod bidang yang telah ditetapkan. Mana-mana penyebut harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas" menyertai sebut harga di luar bidang pengkhususan atau surat "Kebenaran Khas Menyertai sebut harga bagi gred yang lebih tinggi/rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.
- 8) Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak terikat untuk mempersetujui sebut harga yang terendah tawaran harganya atau mana-mana sebut harga jua pun. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak berkewajipan memberi apa-apa alasan bagi penolakan sebarang sebut harga dan keputusan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mengenainya adalah muktamad.

(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Tarikh: 28/4/2025